



Original Article

## Jenayah Siber Kehartaan Di Malaysia Menurut Hukum Islam: Analisis Isu Terpilih

### *Wealth Cybercrime in Malaysia from Islamic Law Perspective: Selected Issues Analysis*

Muhamad Asyraf Ahmad Termimi<sup>a\*</sup> & Rushdi Ramli<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Pelajar pascasarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>b</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

\* Corresponding author, email; newasyraf@yahoo.com

#### ABSTRACT

*Advances of information and communications technology nowadays has created a borderless world where information and dealings can be solved at the fingertips by using electronic devices and internet connections. Nevertheless, not all of these facilities and advancements are best utilized by the users as there are some irresponsible who take the opportunity to abuse the crime. Cybercrime is a common issue which was discuss nowadays as it happens all over the world and is no exception for Malaysia. This article discusses the modus operandi three forms of cybercrime: hacking, scamming and phishing and the current legal analysis of the crime. The study found that there was an important foundation that needed to exist before the convocation of each the crime of malicious elements and the encroachment on controlled property.*

**Keywords:** cybercrime, hacking, scamming, phishing, Islamic law

#### Pendahuluan

Islam telah menetapkan dasar-dasar utama dalam mengatur kehidupan seharian manusia bagi memastikan setiap manusia memperolehi hak yang selayaknya tanpa wujud ruang untuk ditindas dan dieksploitasi oleh mana-mana pihak dengan sewenang-wenangnya. Antara aspek yang diberi penekanan utama oleh Islam adalah di dalam pemeliharaan harta. Pensyariatan jenayah mencuri sebagai satu bentuk kesalahan utama dan hukuman yang selayaknya dengan bentuk perlakuan dan kesan yang terbit daripada jenayah tersebut. Perubahan masa dan reality semasa pada hari ini memperlihatkan kewujudan jenayah kecurian dalam pelbagai bentuk sehingga memerlukan kepada penelitian terhadap jenayah tersebut daripada perspektif hukum Islam semasa.

### Konsep Jenayah Mencuri menurut Islam

Mencuri ditakrifkan sebagai mengambil harta orang lain yang dijaga rapi secara senyap dan sembunyi dengan niat untuk memilikinya.<sup>1</sup> Keempat-empat bahagian ini merupakan asas utama yang mendirikan konsep jenayah mencuri dan tidak sempurna perbuatan mencuri sekiranya kurang salah satu daripada asas utama tersebut. Hal ini bermaksud sekiranya harta itu bukan milik orang lain sepenuhnya, atau harta tersebut berada di kawasan terbuka tanpa sebarang kawalan dan pengawasan, atau diambil secara pinjaman dan bukannya bertujuan pemilikan maka syarat penegakan hukuman had akan terjejas dan tidak tergunapakai. Frasa 'secara sembunyi' di sini menunjukkan kelakuan merampas dan pecah amanah tidak termasuk di dalam istilah ini. Hal ini kerana merampas dilakukan secara terang-terangan bukan secara sulit atau secara sembunyi manakala pemecah amanah pula sememangnya mempunyai akses terhadap harta tersebut. Oleh yang demikian, pelaku bagi kedua-dua jenayah ini tidak akan disabitkan dan dikenakan hukuman had mencuri.

### Konsep Jenayah Siber

Jenayah siber merupakan suatu bentuk perlakuan jenayah yang menggunakan sebarang jenis peranti elektronik melalui sambungan perkhidmatan internet yang membolehkan sesuatu perlakuan jenayah dilakukan sama ada ia melibatkan seseorang individu atau sekumpulan orang dan mampu menjangkau batasan sesebuah negara ke negara yang lain dalam tempoh masa yang singkat dan tidak terhad batasan.<sup>2</sup> Jenayah siber juga boleh menyebabkan berlakunya kepada kehilangan atau kerosakan kepada peralatan, data dan maklumat yang melibatkan sesebuah perisian mahupun pemprosesan komputer sama ada serangan virus, pencerobohan (*unauthorized access and use*) serta kecurian maklumat terhadap sesebuah komputer atau peranti elektronik yang dijadikan sasaran.<sup>3</sup> Jenayah siber merupakan suatu bentuk jenayah moden yang wujud pada zaman ini di mana ia tidak lagi seperti jenayah pada zaman dahulu yang hanya terhad kepada persekitaran fizikal sahaja, namun kini ia telah menjangkau kepada perlakuan jenayah melalui alam siber dengan menggunakan teknologi komputer.<sup>4</sup>

Lapangan jenayah siber adalah lebih luas berbanding jenayah konvensional kerana ruang lingkup yang mampu dicapai dengan sebuah jenayah siber adalah sangat luas di samping dengan proses pendakwaan yang agak sukar.<sup>5</sup> Jenayah siber berbeza berbanding dengan jenayah fizikal yang lain kerana amat sukar bagi mengesan lokasi operasi penjenayah terutamanya jika penjenayah berada di luar Malaysia dan ia dilihat sebagai satu cabaran dan masalah penipuan

---

<sup>1</sup> Al-Kasānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 7:65. Lihat juga Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 9:104.

<sup>2</sup> Anita Abdul Rahim, Nazura Abdul Manap, *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia, 2004*, Kuala Lumpur, Dewa Bahasa dan Pustaka, h. 56.

<sup>3</sup> Rusli Haji Abdullah, Noraini Che Pa', Noorsalwati Nordin (2003), *Teknologi Maklumat dan Penggunaannya*, cet. pertama, Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., Petaling Jaya, h. 116.

<sup>4</sup> Nazura Abdul Manap, Jasri Jamal (2003) *Jenayah Komputer: Perbandingan Menurut Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Undang-Undang Jenayah Islam*, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Bil. 7, h. 16.

<sup>5</sup> Mursilalaili Binti Mustapa Sa'di (2006), *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam*, h. 27

siber sukar diatasi.<sup>6</sup> Jenayah siber secara umumnya boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu curi, penipuan, khianat dan pemalsuan.<sup>7</sup>

### **Penggodaman (Hacking).**

Jenayah penggodaman mampu melumpuhkan pelbagai sistem-sistem utama dan penting yang melibatkan pangkalan data maklumat elektronik serta kawalan sistem keselamatan di dalam sesebuah negara. Penggodam boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu penggodam terancang dan penggodam professional di mana kedua-dua jenis penggodam ini mempunyai matlamat dan tujuan yang berbeza dalam melakukan penggodaman.<sup>8</sup> Sesebuah perbuatan itu merupakan penggodaman (*hacking*) apabila penjenayah siber cuba untuk mendapatkan akses atau masuk ke dalam sesebuah sistem secara tidak sah atau dengan memecah masuk akses keselamatan yang ada.<sup>9</sup> Sekiranya ia tidak mempunyai sebarang sistem atau sekatan keselamatan yang disediakan pada sesebuah laman web atau sistem elektronik maka ia tidak boleh diistilahkan berlakunya penggodaman. Penggodaman merupakan pencerobohan komputer di mana penggodam melakukan capaian secara tidak sah atau haram terhadap sesebuah sistem komputer tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik sistem komputer tersebut dan mempunyai niat bagi mencuri data atau mendapatkan maklumat sulit.<sup>10</sup> Penggodaman boleh dilakukan dan berlaku di mana sahaja selagi mana mempunyai komputer mahupun sebarang peranti elektronik yang membolehkan capaian internet untuk melakukan penggodaman.<sup>11</sup>

### **Penipuan Siber (Scamming)**

Jenayah penipuan siber merupakan antara jenayah yang paling kerap berlaku di alam siber dewasa ini.<sup>12</sup> Rata-rata pengguna siber gemar melakukan pembelian di atas talian kerana harga yang ditawarkan yang lebih murah dan promosi yang menarik di samping kerana perkembangan teknologi dan maklumat pada masa kini.<sup>13</sup> Penipuan siber merupakan jenayah yang paling mudah dilakukan kerana tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dalam komputer. Jenayah penipuan siber boleh dilakukan hanya dengan mempunyai kemahiran asas terhadap komputer dan internet di samping gaya penipuan yang sangat licik dalam memerangkap serta memperdayakan mangsa. Pada tahun 2016 sahaja, 3,921 kes penipuan dalam talian telah dicatatkan dan antara jenayah penipuan tersebut adalah jenayah membabitkan skim penipuan dan pembelian barangan secara dalam talian dan mencatatkan peningkatan kira-kira 20.4%

---

<sup>6</sup> Minggu Sarawak (2013), Jenayah Siber Sukar Diatasi, Berita Perdana, 7 April, Ahad h. 3

<sup>7</sup> Anita Abdul Rahim, Nazura Abdul Manap, Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia, 2004, Kuala Lumpur, Dewa Bahasa dan Pustaka, h. 12.

<sup>8</sup> Paul T. Augustine, *Computer Crime*.5

<sup>9</sup> Rahul Dwivedi, *The Core of Hacking* (Indranagar: Online Gatha, 2016) 4.

<sup>10</sup> Atul Jain, ed. *Cyber Crime: Issues and Threats* (Delhi: Isha Books, 2005) 2:104.

<sup>11</sup> Serangan Siber Senjata Baharu Ancam Keselamatan Negara, laman sesawang BH Online, dikemaskini 22 Ogos 2015, <http://www.bharian.com.my/node/76416>

<sup>12</sup> *Penipuan Duduki No.1 Jenayah Siber*, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 2 September 2015, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/penipuan-duduki-no-1-jenayah-siber-1.426439>

<sup>13</sup> Nabila Yasmin Razib, *5 Faktor Beli-belah Atas Talian Menyeronokkan*, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 13 Februari 2017, <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/5-faktor-beli-belah-atas-talian-menyeronokkan-1.443619>

berbanding pada tahun sebelumnya.<sup>14</sup>Antara tapak atau laman yang sering dijadikan sasaran oleh penjenayah penipuan siber ini adalah laman media sosial seperti Facebook, Lazada, Zalora, Instagram mahupun laman iklan perniagaan dalam talian seperti Lelong.my, Mudah.my serta pelbagai lagi medium penjualan secara dalam talian.<sup>15</sup>

### **Pencerobohan Maklumat dan Data (Phishing)**

*Phishing* merupakan gabungan dua patah perkataan iaitu *page* dan *fishing* dan membawa maksud memancing manusia melalui laman sesawang palsu.<sup>16</sup> *Phishing* adalah satu cubaan bersifat jenayah yang melibatkan penipuan bagi mendapatkan maklumat-maklumat sensitif di dalam perhubungan elektronik secara dalam talian dengan menyamar sebagai sebuah entiti yang boleh dipercayai dalam mendapatkan maklumat-maklumat bagi tujuan aktiviti jenayah.<sup>17</sup> Tujuan utama jenayah *phishing* ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat peribadi yang bersifat sulit dan penting seperti maklumat akaun bank, nombor kad kredit, maklumat akaun media sosial serta lain-lain maklumat akaun yang di simpan secara elektronik mahupun bagi tujuan urusan secara elektronik.<sup>18</sup> Antara taktik penjenayah siber yang sering digunakan adalah dengan menghantar email palsu yang hampir menyerupai daripada organisasi-organisasi perbankan elektronik yang sah secara rawak kepada mangsa dengan menyamar sebagai wakil sah daripada pihak perbankan yang menyediakan perkhidmatan sistem perbankan elektronik melalui penghantaran notis yang meminta mangsa untuk mengisi butiran diri yang bersifat sensitif dan sulit bagi tujuan pengemaskinian akaun mahupun penyelenggaraan laman web pihak bank institusi kewangan terbabit.<sup>19</sup> Kebiasaannya bersama email yang dihantar penjenayah sebuah *hyperlink* (pautan) yang akan membawa mangsa kepada laman web palsu yang direka khas seolah-olah laman web perbankan elektronik dalam talian yang sah tanpa disedari oleh mangsa dan akhirnya berlaku kecurian identiti (*identity theft*) yang akhirnya menyebabkan pelbagai masalah bakal berlaku terhadap mangsa seperti kerugian besar dalam bentuk kewangan, kecurian identiti mahupun halangan dalam melakukan capaian (akses) kepada akaun email atau perbankan elektronik mereka.<sup>20</sup> Laman web phishing meminta pengguna memasukkan butiran maklumat bersifat sulit ke dalam web tersebut dan apabila pengguna menekan butang hantar setelah siap mengisi, laman web tersebut akan memaparkan mesej berlaku ralat dan ia adalah sebuah serangan phishing.<sup>21</sup>Phishing dalam bentuk sistem pesanan ringkas (SMS) turut dikenali sebagai "*smishing*" dan bermatlamat sama seperti

---

<sup>14</sup> Ahmad Suhael Adnan, *Kes penipuan dalam talian meningkat, catat 3,921 kes 2016*, laman sesawang BHOonline, dikemaskini 7 Februari 2017, <http://www.bharian.com.my/node/245159>

<sup>15</sup> Connie S Monical, Fenomena suka 'shopping' online, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 14 Januari 2015, <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/fenomena-suka-shopping-online-1.350314>

<sup>16</sup> Sahizan Sagi, *Awat! Jenayah Siber* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015)62.

<sup>17</sup> Panduan Perlindungan Terhadap Jenayah Penyamaran Laman Web (Web Phishing Scams) Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, 2010. h.2

<sup>18</sup> Sandra Isnaji, *Phishing for Information*, laman sesawang CyberSecurity, diakses pada 15 Jun 2014, [www.cybersecurity.my/data/content\\_files/13/669.pdf,1](http://www.cybersecurity.my/data/content_files/13/669.pdf,1)

<sup>19</sup> Gita Radhakrishna, *Internet Banking In Malaysia (Part 2): The Incidence of Fraud and its Prosecution*, (Kuala Lumpur: The Law Review,2008) 85.

<sup>20</sup> Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, 2010. h.2

<sup>21</sup> SKMM *Anti-Phishing*, laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dicapai 15 Ogos 2014, <http://snc.skmm.gov.my/ini-anti-phishing.php>

phishing.<sup>22</sup> Penjenayah phishing akan menghantar SMS yang mengandungi link yang mengumpukan mangsa untuk menetik link tersebut dan secara automatik akan memuat turun *malware* atau membawa kepada laman web phishing.<sup>23</sup> Dengan mengeksploitasi rasa tamak mangsa ini yang akhirnya membolehkan penjenayah siber phishing ini memperolehi maklumat tersebut dan melakukan jenayah.

### **Peruntukan Undang-Undang Bagi Kesalahan Jenayah Siber di Malaysia**

Antara undang-undang siber mahupun lain-lain akta berkaitan dengan jenayah siber yang ada dan diperuntukan di Malaysia adalah:

1. Akta Jenayah Komputer (1997)
2. Akta Tandatangan Digital (1997)
3. Akta Komunikasi dan Multimedia (1998)
4. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012

Akta dan peraturan tersebut menjadi rujukan bagi kes-kes jenayah siber yang berlaku di Malaysia di mana kebiasaannya ia dibaca bersama dengan kanun-kanun jenayah yang lain di mahkamah dalam mensabitkan bagi sesebuah kesalahan yang dilakukan.

### **Analisis Hukum**

#### **Penggodaman (Hacking)**

**Kes Pertama** : Sindiket Melupuskan Hutang PTPTN Melalui Penggodam Komputer

Sindiket ini telah menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan mereka dengan menjanjikan pemadaman atau pelupusan segala rekod berkaitan dengan pinjaman PTPTN mereka dengan cara menggodam sistem pangkalan data PTPTN. Harga yang ditawarkan penggodam tersebut adalah sebanyak RM2,000 kepada mana-mana individu yang berminat mendapatkan khidmat penggodaman mereka.<sup>24</sup>

#### **Analisis Kes:**

Data maklumat peminjam merupakan sesuatu yang dianggap berharga oleh pihak PTPTN dan peminjam kerana mencatatkan jumlah bayaran serta lain-lain rekod yang sekiranya hilang ia

---

<sup>22</sup> Paul Long, Sarah Lawrey and Victoria Ellis, *Cambridge International AS and A Level IT*, (United Kingdom: Cambridge University Press, 2016), 64.

<sup>23</sup> Ken Dunham ed., *Mobile Malware Attacks and Defense*, (Burlington: Syngress Publishing Inc, 2009), 132.

<sup>24</sup> "Pangkalan data PTPTN kebal - Laman web www.ptptn.biz telah disekat", *Kosmo Online*, dicapai pada tarikh 13 Julai 2013, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0219&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_02.htm#ixzz4jx7B5xEp](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0219&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_02.htm#ixzz4jx7B5xEp)

akan membawa kepada kerugian pada satu pihak dan keuntungan pada satu pihak yang lain. Perbuatan mencerooboh privasi orang atau organisasi lain adalah ditegah dalam Islam. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah-rumah selain rumah kamu sehingga kamu meminta izin serta memberi salam terlebih dahulu kepada para penghuninya. (Surah al-Nūr 24:27)

Jika pencerobohan kediaman dilarang dalam Islam, apatah lagi sekiranya tempat tersebut merupakan tempat perlindungan harta dan data yang penting. Setiap individu tidak dibenarkan mencerooboh mana-mana kawasan bahkan Rasulullah SAW secara berkias pernah memberikan ancaman berkenaan perkara ini. Sabda Baginda:

Terjemahan : Sesiapa yang menghendap rumah sesuatu kaum tanpa keizinan pemiliknya, maka halal dicucuk kedua-dua matanya.<sup>25</sup>

Lafaz tersebut merupakan suatu bentuk ancaman yang dilakukan secara kiasan sebagaimana yang sering dilakukan oleh masyarakat Arab.<sup>26</sup> Dua bentuk kesalahan awal telah dilakukan oleh pihak penjenayah iaitu intipan serta pencerobohan dengan motif jenayah. Islam tetap meraikan uruf semasa di mana harta yang tersimpan secara digital turut memiliki hukum yang sama seperti harta yang disimpan secara fizikal. Hal ini seperti mana kaedah berikut:

Terjemahan : Perkara yang dilarang secara tradisi ini turut dilarang seperti perkara yang dilarang secara hakikatnya.<sup>27</sup>

Kes ini tidak boleh dianggap sebagai jenayah mencuri kerana penggadam tidak mengambil atau memindahkan harta tersebut ke dalam pemilikan mereka sebaliknya hanya melupuskan atau memadamkan maklumat secara terus dari sistem data dan tidak dikira sebagai jenayah mencuri dan hanya boleh dikenakan hukuman takzir.

#### **Kes Kedua:** Penggadam Mesin Juruwang Automatik (ATM)

Jenayah bagi kes ini dilakukan dengan menggunakan kaedah serangan virus malware '*ulssm.exe*' dalam melakukan penggodaman terhadap sistem keselamatan mesin ATM. Setelah itu, penjenayah memasukkan cakera padat (CD) ke dalam pembaca cakera padat (CD-ROM) yang berada di mesin ATM tersebut dan memasukkan kod tertentu menggunakan panel kekunci mesin ATM tersebut dan mengeluarkan kesemua wang dari mesin ATM.<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Adab, Bāb Tahrīm al-Nazar fī Bayt Ghayrih, no. hadis: 2158. Lihat Muslim bin Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1699.

<sup>26</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*, 12:212. Lihat Rāsyid al-Ghannūshī, *Huqūq al-Muwāṭānah*, 96.

<sup>27</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), 106.

<sup>28</sup> "Sorotan 2014: Kes Godam ATM Gemparkan Pemilik Akaun Bank", laman sesawang Utusan *Online*, dikemaskini 16 Disember 2014, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sorotan-2014-kes-godam-atm-gemparkan-pemilik-akaun-bank-1.37065>

### Analisis Kes:

Elemen utama yang perlu dilihat adalah tahap capaian atau akses penjenayah kepada harta siber tersebut. Sekiranya seseorang telah membiarkan komputer peribadi mahupun peranti elektronik miliknya yang mempunyai maklumat mahupun data penting dan sulit seperti nama pengguna (*username*) mahupun kata laluan (*password*) bagi akaun perbankan elektronik miliknya dan ia telah memudahkan pencuri tersebut memindahkan wang tersebut ke dalam akaun miliknya.<sup>29</sup> Keduanya, wujud tindakan daripada penjenayah dalam mencero boh dan mengawal sesuatu sistem komputer bagi melakukan jenayah. Sebelum seseorang penjenayah disabitkan kesalahan mencuri, pihak pendakwaan perlu membuktikan terlebih dahulu bahawa beliau telah mengambil alih dan mengawal fungsi komputer tersebut sama ada dengan pengetahuan mangsa mahupun tidak. Pencero boh ini antaranya merujuk kepada tindakan mengubah atau memadam atur cara atau data, menyalin atau mengalihkannya ke mana-mana bahan storan, menggunakannya atau menyebabkan ia dikeluarkan daripada komputer milik mangsa.<sup>30</sup> Ketiga, capaian yang dilakukan itu adalah tanpa kuasa, kerelaan dan keizinan pemilik harta. Seseorang yang pada asalnya diberikan hak untuk menguruskan sesuatu akaun seperti seorang kerani bank yang mempunyai kata laluan kepada sistem komputer bank tidak akan dikategorikan sebagai pencero boh kerana sememangnya mempunyai akses yang sah terhadap akaun tersebut. Namun sekiranya kerani tersebut melaksanakan transaksi melebihi hak yang diberikan kepadanya ataupun memindahkan wang pelanggan daripada akaunnya kepada akaun yang tanpa izin dan arahan pelanggan, maka tindakan ini boleh dikategorikan sebagai pencero boh berbentuk kecurian. Walau bagaimanapun, disebabkan wujudnya elemen keraguan dalam aspek kawalan harta tersebut, maka sabitan penghukuman akan berpindah daripada hudud kepada takzir. Terakhirnya, penjenayah atau pencero boh tersebut mengetahui bahawa tindakannya mengambil alih fungsi komputer tersebut adalah tidak sah dan salah menurut undang-undang. Motif jenayah ini penting bagi memastikan wujudnya unsur niat jahat dalam pelaksanaan aktiviti penggoda man ini.<sup>31</sup> Maka, sekiranya capaian itu dilakukan secara tidak sengaja, sabitan hukuman tidak akan dilaksanakan melainkan setelah terjadinya tindakan tersalah masuk ini si pelakunya meneruskan tindakannya dengan aktiviti jenayah maka ketika itu barulah sabitan hukuman kecurian akan ditegakkan. Sebagai rumusan, keempat-empat elemen ini penting untuk dipastikan wujud dalam perbuatan penggoda man ini bagi melayakkan perbuatan tersebut dikenakan hukuman had mencuri. Sekiranya tidak berjaya dibuktikan keempat-empat elemen ini, maka hukuman yang akan dilaksanakan ke atas pelaku adalah hukuman takzir sahaja.

Bagi kes ini, bank pemilik mesin ATM telah mengalami kerugian di atas kehilangan wang yang telah dialih oleh penggoda man mesin ATM tersebut. Jenayah mencuri telah berlaku sepenuhnya kerana ia telah melibatkan mengalihkan harta yang bukan milik ke dalam pemilikan pencuri secara tersembunyi dan mempunyai niat. Mesin ATM merupakan tempat simpanan bagi wang tersebut dan dilengkapi dengan sistem keselamatan yang cukup baik di mana ia mempunyai sistem penggera sekiranya berlaku cubaan untuk memecah mesin ATM tersebut. Selain itu, mesin ATM tersebut turut mempunyai sistem keselamatan bagi sistem pengeluaran duit yang telah dimuat pasang pada sistem komputer mesin ATM itu. Kawasan kedudukan mesin ATM

---

<sup>29</sup> Nazura Abdul Manap dan Jasri Jamal, "Jenayah Komputer: Perbandingan Menurut Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Undang-Undang Jenayah Islam, 21.

<sup>30</sup> *Ibid.*, 23

<sup>31</sup> Hashim Mehat, "Kajian Perbandingan antara Undang-Undang Jenayah Malaysia dengan Undang-undang Jenayah Islam", 227.

tersebut turut dipasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau keadaan di samping kamera yang turut dipasang di mesin ATM itu sendiri. Maka bagi elemen tempat simpanan harta dan kawalan harta ia telah menepati menurut perundangan Islam. Tindakan perbuatan mengalihkan harta itu secara jelas berlaku apabila penjenayah menekan kod tertentu dan mesin ATM telah mengeluarkan wang daripada mesin tersebut dan diambil oleh penjenayah. Mesin ATM pada asasnya tidak akan mengeluarkan wang dari mesin sesuka hati melainkan pelanggan memasukkan kad ATM mereka ke dalam slot mesin dan menekan kata laluan serta amaun yang ingin dikeluarkan. Namun bagi kes ini, penjenayah telah memecah sistem keselamatan mesin ATM ini dan memberi arahan tidak sah kepada sistem mesin dengan menyuntik virus dan menyebabkan hilang kawalan keselamatan.

Unsur niat mencuri tersebut telah jelas dengan mengambil wang yang bukan milik ke dalam pemilikan penjenayah dan ia sememangnya dilakukan secara tersembunyi kerana tidak dapat dikesan ketika wang tersebut diambil. Kaedah fiqh menyatakan:

Terjemahan : Tidak harus bagi seseorang untuk mengambil harta orang lain kecuali dengan sebab yang dibenarkan syarak.<sup>32</sup>

Maka jenayah siber penggodaman bagi kes ini boleh disabitkan dengan hukuman hudud kerana telah lengkap dan memenuhi elemen jenayah mencuri menurut Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang telah mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Mā'idah 5:38)

### **Penipuan Siber (Scamming)**

#### **Kes Pertama** : Penipuan Jualan Atas Talian Telefon Pintar Berjenama

Penjenayah menggunakan medium perniagaan atas talian telefon pintar berjenama dengan menawarkan harga yang murah dalam melakukan jenayah siber ini. Penjenayah menggunakan applikasi media sosial seperti WeChat dan WhatsApp selain sebuah laman web jualan atas talian mudah.my sebagai medium pengiklanan. Penjenayah akan menghilangkan diri dan gagal untuk dihubungi sebaik sahaja telah menerima bayaran dari mangsa. Akibatnya mangsa terpaksa menanggung kerugian wang kerana telah ditipu.<sup>33</sup>

#### **Kes Kedua** : Jualan Telefon Pintar Secara Pembelian Awal (*Pre-Order*) Di Instagram

Penjenayah mendakwa dirinya adalah pembekal telefon pintar dengan harga yang murah dengan konsep jualan pembelian awal dengan pembayaran penuh dan perlu menunggu bagi tempoh yang ditetapkan sebelum pelanggan menerima telefon pintar mereka. Namun apabila telah tiba tempoh yang dijanjikan, telefon pintar tersebut tidak sampai dan pembekal

<sup>32</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, "*al-Wajīz fī Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*", 188.

<sup>33</sup> Jamilah Hamzah, "Polis tumpaskan kaki tipu jual telefon pintar", laman sesawang *Sinar Online*, dikemaskini 8 Mei 2017, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/polis-tumpaskan-kaki-tipu-jual-telefon-pintar-1.671593>



memberikan pelbagai alasan dan akhirnya berdiam diri dan menyebabkan ramai mangsa telah tertipu dan kerugian wang yang banyak.<sup>34</sup>

#### **Analisis Kes Pertama dan Kes Kedua :**

Kedua-dua kes ini menggunakan modus operandi perniagaan penjualan barang berbentuk telefon pintar berdasarkan akad jual beli di mana wujud keredhaan atau kepercayaan di antara penjual dan pembeli. Namun pada akhirnya penjual khianat dan tidak menyerahkan barangan tersebut kepada pembeli. Secara asasnya, transaksi perniagaan secara jual beli adalah diharamkan dalam Islam selagi mana tidak melanggar batasan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan menerusi ayat berikut :

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

(Surah al-Nisā', 4:29)

Namun dalam transaksi ini, penjual telah berlaku khianat dengan melanggar persetujuan yang telah dimeterai dengan pihak pembeli. Perbuatan ini diharamkan secara jelas di dalam al-Quran sebagaimana yang dinyatakan menerusi ayat yang berikut :

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Anfāl, 8:27)

Jenayah penipuan siber (scamming) merupakan perbuatan khianat atau pecah amanah dan tidak boleh disabitkan dengan jenayah mencuri dalam perundangan jenayah Islam. Jenayah penipuan siber langsung tidak menepati secara am takrif jenayah menurut istilah syarak iaitu mengambil sesuatu harta secara sembunyi dari tempat simpanan dan tanpa pengetahuan oleh tuan pemilik harta tersebut.<sup>35</sup>

Penipuan siber dikategorikan sebagai perbuatan khianat amanah atau menyelewengkan harta tersebut untuk dimiliki oleh pelaku. Rasulullah SAW melarang jual beli yang berunsurkan penipuan seperti ini sebagaimana sabda Baginda SAW :

Terjemahan : Rasulullah SAW telah melarang (kita) daripada (melakukan) jual beli *al-Ḥaṣāh* (dengan cara lemparan batu kecil) dan jual beli barang *al-Gharar* (unsur ketidakpastian).<sup>36</sup>

Antara bentuk jual beli al-Gharar yang dilarang oleh Rasulullah SAW adalah dengan menjual barang yang tidak mampu diserahkan.<sup>37</sup> Hal ini kerana sebarang bentuk kontrak yang terbina

---

<sup>34</sup> Norafidah Assan, "Tanggung hutang lebih RM100,000", laman sesawang *Sinar Online*, dikemaskini 20 Ogos 2016, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/melaka-ns/tanggung-hutang-lebih-rm100-000-1.554231>

<sup>35</sup> Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, 9:104.

<sup>36</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Buyū', Bāb Mā Jā'a fi Karāhiyah Bay' al-Gharar, no. hadis: 1230. Lihat Muḥammad bin 'Isā bin Ṣūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, t.t), 292.

atas permuafakatan bersama haruslah dipatuhi. Pencabulan terhadap kontrak tersebut adalah dilarang sama sekali. Allah SWT berfirman :

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.

(Surah al-Ma'idah, 5:1)

Oleh kerana menepati janji itu diwajibkan dalam Islam, maka mematuhi serta menepati kontrak persetujuan bersama juga adalah turut diwajibkan. Hal ini sebagaimana yang turut dijelaskan menerusi kaedah berikut :

Terjemahan : Perjanjian yang telah diikat perlu dipatuhi.<sup>38</sup>

Penipuan siber tidak boleh diqiaskan sebagai jenayah mencuri yang boleh dikenakan hukuman potong tangan terhadap pesalah sekiranya diberkas dan dibicarakan kerana unsur mengambil atau mengeluarkan harta daripada pemilikan seseorang ke dalam pemilikan penjenayah tersebut tidak wujud dan berlaku. Hal ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang telah menjelaskan berkenaan dengan perkara tersebut. Sabda Nabi SAW :

Maksudnya : Tidak dipotong tangan (had) pengkhianat, perampas dan penipu.<sup>39</sup>

Namun, ia tidak bermakna penjenayah penipuan siber tersebut boleh terlepas daripada dikenakan sebarang tindakan mahupun hukuman sebaliknya, penjenayah boleh dikenakan hukuman takzir yang dirasakan setimpal oleh pihak pemerintah atau hakim yang mengadili.

### **Penceroobohan Maklumat dan Data (*Phishing*)**

#### **Kes Pertama : Cipta Laman Web Palsu Curi Maklumat Pelanggan Bank**

Penjenayah siber phishing telah mencipta laman web palsu bank-bank tempatan bagi tujuan mencuri maklumat pelanggan bank-bank berkenaan dan kemudian mengeluarkan wang mereka. Modus operandi jenayah adalah penjenayah menghantar e-mail kepada mangsa menyamar daripada pihak bank dan meminta mangsa melakukan kemas kini terhadap maklumat akaun bank mangsa. Mangsa yang tertipu mengetik link pautan yang disertakan di dalam e-mail palsu yang dihantar yang membawa mangsa kepada laman web palsu ciptaan penjenayah phishing. Nama pengguna serta kata laluan yang telah diisi oleh mangsa pada web palsu tersebut disimpan secara automatik di dalam sistem data penjenayah tersebut. Penjenayah menggunakan data-data mangsa untuk mengakses akaun mangsa dan melakukan pemindahan wang mangsa dan akhirnya menyebabkan kerugian kepada mangsa.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhī Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī* ('Ammān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, t.t), 1227.

<sup>38</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, "*al-Wajīz fī Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*", 211.

<sup>39</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Jā'a fī al-Khā'in wa al-Mukhtalis wa al-Muntahib, no. hadis: 1448. Lihat Muḥammad bin 'Isā bin Šūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, t.t), 343.

<sup>40</sup> Norhana Salashar Basharuiddin, 13 Termasuk Empat Pelajar Ditahan Ceroboh Akaun Bank, laman sesawang *Utusan Online*, dikemaskini 11 Oktober 2016, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1011&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1011&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm)

### **Kes Kedua : Sindiket Penipuan Wang Melalui Internet**

Penjenayah menggunakan kaedah phishing dalam melakukan penipuan wang melalui internet. Modus operandi penjenayah adalah memuat turun maklumat mangsa melalui perisian yang telah dipasang pada kiosk bank yang menjalankan perbankan internet. Seterusnya penjenayah membuat panggilan kepada mangsa menyamar dari pihak syarikat telekomunikasi menyatakan bahawa talian mangsa akan mengalami gangguan perkhidmatan kerana kerja-kerja naik taraf. Penjenayah kemudiannya pergi ke cawangan syarikat telekomunikasi untuk mendapatkan kad SIM gantian tanpa pengetahuan pemilik asal dan memperdayakan pekerja syarikat telekomunikasi dengan menyamar sebagai mangsa. Setelah memperolehi kad SIM gantian tersebut, penjenayah akan mendapat akses kod kuasa transaksi (TAC) berdasarkan nombor mangsa tersebut dan melakukan pemindahan wang ke dalam akaun pihak ketiga mahupun anggota sindiket melalui perbankan internet atau perkhidmatan Western Union.<sup>41</sup>

### **Analisis Kes Pertama dan Kes Kedua :**

Kedua-dua kes ini menggunakan teknik yang sama iaitu memperdayakan mangsa dengan helah dan penipuan yang dilakukan. Perbuatan ini jelas diharamkan oleh Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut :

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman, Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang.

(Surah al-Hujurat, 49 : 12)

Islam mengharamkan sebarang bentuk usaha untuk mengintip atau menceroob maklumat peribadi mana-mana individu. Sesuatu maklumat ini dinilai sebagai harta apabila ia diiktiraf oleh tradisi setempat serta maklumat tersebut juga mempunyai manfaat dan kepentingan buat pemilikinya.<sup>42</sup> Dalam kes pertama, mangsa sendiri yang memasukkan nama pengguna dan kata laluan ke dalam web palsu yang merupakan perangkap yang dipasang oleh penjenayah siber dan seterusnya maklumat tersebut disimpan oleh penjenayah bagi melakukan jenayah. Maka di dalam kes pertama ini, elemen capaian atau akses bagi tempat simpanan itu sendiri telah hilang kerana ia tidak dipecahkan oleh penjenayah sebaliknya diperolehi hasil daripada manipulasi terhadap mangsa. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW:

Terjemahan: Tidak ada had potong bagi buah tamar yang tergantung serta kambing-kambing yang dipelihara di bukit. Sekiranya diambil daripada rebannya atau tempat pengeringannya maka dijatuhkan hukuman had potong apabila nilainya sampai kepada harga perisai.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> "Sindiket Penipuan Wang Melalui Internet Tumpas", laman sesawang Utusan *Online*, dikemaskini 15 September 2011, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0915&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0915&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm)

<sup>42</sup> 'Abd al-'Aziz Ibrāhīm, *al-'Iṭidā' al-Ilktirūnī: Dirāsah Fiqhiyyah* (Riyāḍ: Dār Kunūz Isybiliyā, 2012), 178.

<sup>43</sup> Hadis riwayat Mālik, Kitāb al-Sariqah. Lihat Mālik bin Anas al-Aṣḥabī, *al-Mudawwanah al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 536.

Kelemahan dan kerapuhan elemen kawalan (*al-hirz*) harta akan menggugurkan sabitan hukuman had dan menyebabkan penjenayah beralih kepada hukuman takzir.

Bagi kes kedua, penjenayah mendapat butiran mangsa dengan bantuan perisian yang dipasang di kiosk perbankan elektronik dan kemudian memerangkap mangsa dengan menyamar dari syarikat telekomunikasi dan seterusnya memperdayakan pihak syarikat telekomunikasi dengan menyamar sebagai mangsa dan mendapat kad sim gantian. Apa yang menjadi persamaan di antara kes pertama dan kedua adalah unsur pemerdayaan terhadap mangsa yang menjadi asas bagi melakukan jenayah ini. Kawalan keselamatan harta dan maklumat yang berjaya dipecah masuk hasil "kerjasama" tidak langsung daripada pihak mangsa tanpa disedari telah menimbulkan keraguan dalam aspek *al-hirz* bagi harta itu sendiri. Elemen utama dalam pentakrifan jenayah mencuri itu tidak berjaya dilengkapkan bagi kedua-dua kes jenayah ini dan tidak boleh disabitkan jenayah mencuri. Sebaliknya penjenayah tersebut hanya akan dijatuhkan hukuman takzir apabila sabit kesalahannya nanti.

## Kesimpulan

Jenayah siber merupakan isu semasa yang perlu dibahaskan secara terperinci dengan mengambil kira semua aspek yang berkaitan dengan jenayah tersebut. Dalam aspek hukum Islam pula, meskipun jenayah mencuri dikategorikan sebagai salah satu daripada jenayah hudud, namun jenayah siber berkaitan harta ini perlu diperincikan setiap satunya bagi memastikan ia mematuhi syarat utama penetapan hukum tersebut. Tidak semua jenayah siber kehartaan adalah sama seperti mana jenayah mencuri seperti mana menurut definisi dalam sistem perundangan Islam. Ini kerana jenayah mencuri menurut sistem perundangan Islam adalah perbuatan mengalihkan harta yang bukan milik ke dalam pemilikan seseorang daripada tempat simpanan tersebut dan dengan berniat untuk memiliki. Perbuatan yang memenuhi kesemua elemen dalam definisi tersebut sahaja boleh disabitkan dengan jenayah mencuri dan dikenakan hukuman hudud. Manakala bagi perbuatan yang tidak memenuhi walau salah satu sama ada sememangnya tiada mahupun mempunyai keraguan maka ia tidak boleh dikenakan hukuman hudud dan berpindah kepada hukuman takzir.

## Rujukan

- ʿAbd al-Karīm Zaydān. *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Damsyiq: Muʿassasah al-Risālah, 2006.
- ʿAbd al-Karīm Zaydān. *al-Wajīz fī Syarḥ al-Qawāʿid al-Fiqhiyyah fī al-Syarīʿah al-Islāmiyyah*. Beirut: Muʿassasah al-Risālah, 2001.
- al-Kasānī, Alaʿ al-Dīn Abī Bakr bin Masʿūd. *Badāʿīʿ al-Ṣanāʿīʿ fī Tartīb al-Syarāʿīʿ*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2003.
- Abd al-Qādir ʿAwdah. *al-Tasyrīʿ al-Jināʿī al-Islām Muqārānan bi al-Qanūn al-Waḍʿī*. Beirut: Dar al-Katib al-Arabi, t.t.
- Aḥmad bin Ḥanbal. *Musnad Aḥmad*. Riyāḍ: Bait al-Afkār al-Dawliyah, 1998.
- Aḥmad Faṭḥī Baḥnasī. *al-Jarāʿim fī al-Fiqh al-Islāmi*. Kaherah: al-Waʿy al-ʿArabī, 1968.

- Aḥmad Faṭḥī Baḥnasī. *Naẓariyyah al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Jinā'ī al-Islāmī*. Kaherah: al-Syarikah al-'Arabiyah, 1962.
- Aḥmad Sālim Muḥam. *Fayḍ al-Raḥman fī al-Aḥkām al-Fiqhiyyah al-Khaṣṣah bi al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Nafā'is, 2001.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Isma'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibnu Kathir, 2002.
- al-Fairūzabādī, Muḥammad bin Ya'kūb. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2005.
- al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī. *al-Miṣbāh al-Munīr*. Beirut: Maktabah Lubnan, 1987.
- al-Hākīm, Muḥammad bin 'Abd Allah. *al-Mustadrak' ala al-Ṣaḥīḥain*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002.
- al-Qazwinī, Muḥammad bin Yazīd. *Sunan Ibn Mājah*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.
- al-Qusyairī, Muslim bin Hajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.
- al-Sijistānī, Sulaimān bin al-Asy'ath. *Sunan Abī Daud*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.
- al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā bin Ṣūrah. *Sunan al-Tirmidhī*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.
- Muḥammad Abū Zuhrah. *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār Fikr al-'Arabī, 1998.
- Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap. *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004).
- Jasser Auda. *Memahami Maqasid Syariah*, Marwan Bukhari A. Hamid (terj.). Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 2015.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. *Undang-Undang Siber Di Malaysia*. Petaling Jaya: International Law Book Services, 2010.
- Mohd Safar Hasim. *Mengenal Undang-Undang Media dan Siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2002.
- Sahizan Sagi. *Awas! Jenayah Siber*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Undang-Undang Malaysia: Akta 562 Akta Tandatangan Digital 1997*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006.
- Panduan Perlindungan Terhadap Jenayah Penyamaran Laman Web (Web Phishing Scams) Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri*, 2010.
- Rusli Abdullah, Noraini Che Pa' dan Noorsalwati Nordin. *Teknologi Maklumat dan Penggunaannya*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2003.
- Atul Jain ed. *Cyber Crime: Issues and Threats*. Delhi: Isha Books, 2005.

- Gita Radhakrishna. *Internet Banking in Malaysia (Part 2): The Incidence of Fraud and its Prosecution*. Kuala Lumpur: The Law Review, 2008.
- Ken Dunham ed. *Mobile Malware Attacks and Defense*. Burlington: Syngress Publishing Inc, 2009.
- Paul Long, Sarah Lawrey and Victoria Ellis. *Cambridge International AS and A Level IT*. United Kingdom: Cambridge University Press, 2016.
- Paul T. Augustine. *Computer Crime*. New Delhi: Crescent Publishing Corporation, 2007.
- Rahul Dwivedi. *The Core of Hacking*. Indranagar: Online Gatha, 2016.
- Fadilah Abdul Rahman, *Jenayah Mencuri: Kajian Perbandingan antara Kanun Keseksaan dan Hukum Islam (Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003)*.
- Mohd Amran Mat Zain, *Kesalahan Mencuri Di Sisi Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Jenayah Malaysia: Satu Kajian Perbandingan (Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1992)*.
- Mohd. Zaid Bin Hassan, "Jenayah Pemalsuan Kad Kredit Di Malaysia" (Laporan Penyelidikan Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 41.
- Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sa'dan. "Qawā'id wa Ḍawābiṭ Fiqh 'inda Ibn Qudāmah". Tesis Kedoktoran, Jāmi'ah Umm al-Qurā, 1999.
- Mursilalaili Mustapa Sa'di, *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam, (Tesis, Fakulti Pengajian Islam UKM, 2006)*.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Menangani Pemikiran Hukum Islam Semasa". Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 28-29 September 2005.
- Mohamad Rizal Abdul Rahman, "Pengenalan kepada Undang-Undang Jenayah Siber". Makalah, Bengkel Pengurusan Perpustakaan dari Perspektif Undang-Undang, Port Dickson, 17-18 Mei 2004.
- Nuraizah Abdul Hamid, "Undang-Undang Siber: Akta Tandatanganan Digital 1997 dan Akta Jenayah Komputer 1997". Makalah, Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik, Kuala Lumpur, 18-19 Disember 20017.
- Rahmat Abu Nong, "Pengalaman Jabatan Forensik Digital Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia". Prosiding Seminar Undang-Undang Jenayah Syariah di Alam Siber, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bangi, 18 Oktober 2016
- Ahmad Suhael Adnan, Kes Penipuan Dalam Talian Meningkat, Catat 3,921 Kes 2016, laman sesawang BH Online, dikemaskini 7 Februari 2017, <http://www.bharian.com.my/node/245159>

- Ashriq Fahmy Ahmad dan Khairunnisa Sulaiman, Ancaman jenayah siber, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 16 April 2012, [http://utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0416&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sains\\_%26\\_Teknologi&pg=st\\_01.htm](http://utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0416&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sains_%26_Teknologi&pg=st_01.htm)
- Connie S Monical, Fenomena suka 'shopping' online, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 14 Januari 2015, <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/fenomena-suka-shopping-online-1.350314>
- Hisyamuddin Ayub, Sindiket Curi Data Palsukan Kad Kredit, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 3 Februari 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sindiket-curi-data-8232-palsukan-kad-kredit-1.55439>
- Jamilah Hamzah, Polis tumpaskan kaki tipu jual telefon pintar, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 8 Mei 2017, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/polis-tumpaskan-kaki-tipu-jual-telefon-pintar-1.671593>
- Mohd Helmi bin Saadin, Sindiket Pemalsuan Kad Kredit/ATM Tumpas, laman sesawang Polis DiRaja Malaysia, dicapai 15 Julai 2015, <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/06/12/sindiket-pemalsuan-kad-kredit-atm-tumpas>
- Mustapa Lakawa dan Sairul Zamri Misrani, Godam Pakai Perisian Pasaran Gelap, laman sesawang Kosmo! dicapai 17 Disember 2016, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0210&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_01.htm#ixzz4kBzYRKWz](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0210&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm#ixzz4kBzYRKWz)
- Nabila Yasmin Razib, 5 Faktor Beli-belah Atas Talian Menyeronokkan, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 13 Februari 2017, <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/5-faktor-beli-belah-atas-talian-menyeronokkan-1.443619>
- Norafidah Assan, Tanggung hutang lebih RM100,000, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 20 Ogos 2016, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/melaka-ns/tanggung-hutang-lebih-rm100-000-1.554231>
- Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail, Penipu Siber Ligat, laman sesawang myMetro, dikemaskini 8 Februari 2017, <http://www.hmetro.com.my/node/204178>
- Sandra Isnaji, Phishing for Information, laman sesawang CyberSecurity, diakses pada 15 Jun 2014, [www.cybersecurity.my/data/content\\_files/13/669.pdf,1](http://www.cybersecurity.my/data/content_files/13/669.pdf,1)
- Siti Norhawa Mohd. Ali, 6,800 Kes Jenayah Siber Di Malaysia Boleh Mengancam Ekonomi Negara, dikemaskini 8 September 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/6-800-kes-jenayah-siber-di-malaysia-1.132952#ixzz4kEw3Wcur>
- Zaidin bin Dahalan, "Pelancaran Kempen Pencegahan Jenayah Komersil" laman sesawang Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia, dicapai 3 Mac 2015, <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/06/12/pelancaran-kempen-pencegahan-jenayah-komersil>
- Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (1998) telah digubal pada 1 April 1999, laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dicapai 14 Oktober 2014, <http://www.skmm.gov.my/About-Us/History.aspx>

BERNAMA, "Peraturan Baharu Peniaga Dalam Talian Berkuat Kuasa 1 Julai", laman sesawang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, dicapai 4 Mei 2014 <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=929208> 21/10/2013

"Isu Media dan Keselamatan Siber", laman sesawang Jabatan Perlindungan Data Peribadi, dicapai pada 18 November 2014 <http://www.pdp.gov.my/index.php/en/bantuan/26-awam/info-ict/megabait/209-isu-media-dan-keselamatan-siber>

"JSJK Adakan Kempen Kesedaran Jenayah Siber", dikemaskini 18 Mei 2017, laman sesawang Sinar Online, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/jsjk-adakan-kempen-kesedaran-jenayah-siber-1.676481>

Kecurian Identiti Bukan Kesalahan Bank, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 15 Oktober 2006, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1015&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm#ixzz4FRL7QTNX](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1015&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm#ixzz4FRL7QTNX)

"Najib umum inisiatif jalur lebar", laman sesawang Utusan Online. dikemaskini 24 Mac 2010, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0324&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_30.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0324&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_30.htm)

"Pangkalan data PTPTN kebal - Laman web www.ptptn.biz telah disekat" laman sesawang Kosmo! Online, dicapai pada 13 Julai 2013, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0219&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_02.htm#ixzz4jx7B5xEp](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0219&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_02.htm#ixzz4jx7B5xEp)

"Pekerja Bank Ditahan Bantu Siasatan Kes Pecah Amanah RM450,000", laman sesawang BHOnline, dikemaskini 9 Oktober 2015, <http://www.bharian.com.my/node/87702>

Penamatan Talian Mudah Alih (Iklan Haram), laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dikemaskini 20 Mei 2016, [https://www.mcmc.gov.my/media/announcements/mobile-number-termination-\(on-illegal-advertisemen?lang=ms-MY](https://www.mcmc.gov.my/media/announcements/mobile-number-termination-(on-illegal-advertisemen?lang=ms-MY)

Penipuan Duduki No.1 Jenayah Siber, laman sesawang Sinar Online, dikemaskini 2 September 2015, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/penipuan-duduki-no-1-jenayah-siber-1.426439>

Penggodam mesin ATM akan diekstradisi dari London, laman sesawang BHOnline, dikemaskini 19 Disember 2014, <http://www.bharian.com.my/node/24186>

"Perbankan internet miliki 12.8 juta orang", laman sesawang Kosmo! dicapai 16 Januari 2013, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0116&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_10.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0116&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_10.htm)

Serangan Siber Senjata Baharu Ancam Keselamatan Negara, laman sesawang BH Online, dikemaskini 22 Ogos 2015, <http://www.bharian.com.my/node/76416>

Sindiket Penipuan Wang Melalui Internet Tumpas, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 15 September 2011,



[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0915&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0915&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm)

SKMM Anti-Phishing, laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dicapai 15 Ogos 2014, <http://snc.skmm.gov.my/ini-anti-phishing.php>

Sorotan 2014: Kes Godam ATM Gemparkan Pemilik Akaun Bank, laman sesawang Utusan Online, dikemaskini 16 Disember 2014, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/sorotan-2014-kes-godam-atm-gemparkan-pemilik-akaun-bank-1.37065>

Statistik Insiden MyCert, laman sesawang Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCert), dicapai 16 September 2013, <https://www.mycert.org.my/statistics/2013.php>